

Kes hina mahkamah terhadap Dr Mahathir ditangguh

KUALA LUMPUR -

Prosiding menghina mahkamah oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad di Mahkamah Tinggi ditangguhkan pada 21 Julai depan.

Penangguhan dibuat selepas bekas Perdana Menteri itu berada di Langkawi sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2025 (LIMA'25).

Ketika prosiding, peguam Mior



DR MAHATHIR

Nor Haidir Suhaimi yang mewakili Mahathir berkata, anak guamnya berada di luar kawasan selain pihaknya perlu meneliti afidavit.

Menurutnya, anak guamnya baru sahaja menerima afidavit daripada defendan pada Rabu.

Justeru, beliau berkata, Mahathir selaku plaintif memohon penangguhan kes komital ini termasuk persediaan percabaran kes saman defendan terhadap Ahmad Zahid berhubung isu 'Kutty'. Terdahulu, prosiding pada

Khamis berkaitan tindakan Dr Mahathir mengadakan sidang akhbar pada 5 Disember tahun lalu di lobi Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur dengan menunjukkan beberapa salinan dokumen termasuk kad pengenalan beliau selepas memberi keterangan dalam saman terhadap Ahmad Zahid berhubung isu 'kutty'.

Sementara itu, peguam, Mohamed Shahrul Fazli Kamaruizaman yang mewakili Ahmad Zahid, 72, mengesahkan sudah menyerahkan afidavit dan tidak membantah penangguhan kes.

Pesuruhjaya Kehakiman Gan Techiong menetapkan 19 Jun depan untuk pengurusan kes.